

**TEKS UCAPAN YB. SENATOR DATUK SERI SYED IBRAHIM BIN KADER
PRESIDEN KIMMA
KONVENSYEN KIMMA NEGERI SEMBILAN
2 NOVEMBER 2014**

Bismillahirrahmanirrahim,

Syukur Alhamdulillah, dengan taufiq dan hidayah-Nya, kita semua dipertemukan kembali dalam sebuah majlis yang penuh bersejarah dan bermakna, majlis Konvensyen Badan Perhubungan KIMMA Negeri Sembilan Darul Khusus.

Sesungguhnya dewan yang gilang-gemilang ini bakal menjadi saksi perkongsian idea mantap lagi bernas bagi memartabatkan agama, bangsa dan tanah air yang kita cintai.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan kerana kesudian dan komitmen YB untuk menghadiri konvensyen di sebalik jadual dan urusan yang padat.

Budi baik YAB Dato' Seri Utama amatlah saya hargai.

Hadirin dan hadirat yang saya muliakan sekalian,

Sejarah KIMMA bermula pada tarikh 24hb Oktober 1976, tarikh keramat yang menyaksikan terlahirnya sebuah parti tunggal yang mewakili suara majoriti kaum minoriti India Muslim di Malaysia.

Kaum ini walaupun tidaklah begitu ramai bilangannya, tetapi beridentiti dan punya keunikan tersendiri sepertimana kaum-kaum lain di tanah bertuah ini.

Sepanjang tempoh 38 tahun usia KIMMA sejak penubuhannya, KIMMA telah ditunjangi oleh barisan pemimpin-pemimpin berkaliber yang datang bersilih ganti.

Walaupun mungkin medium pendekatan dan kuasa politik pemimpin-pemimpin ini berbeza, akan tetapi kesemuanya berkongsi dan mempunyai visi dan misi yang sama, untuk membangunkan dan membela kaum minoriti India Muslim di Malaysia.

Tempoh 38 tahun ini juga telah mematangkan KIMMA daripada sebuah institusi kerdil, kini mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan parti-parti politik yang lain.

Suara KIMMA kini lebih jelas didengari hasil daripada usaha berterusan ahli KIMMA daripada setiap lapisan sejak dahulu; bertemu dan memberi bantuan kepada masyarakat, berterusan menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah dan memperjuangkan hak-hak masyarakat yang tidak bernasib baik. Usaha-usaha ini, sedikit demi sedikit,

secara tidak langsung telah memupuk nilai perjuangan dan membina kesatupaduan dalam masyarakat, khususnya masyarakat India Muslim.

Berkat kekuasaan dan keizinan Allah, 2006 menjadi sebuah tarikh bersejarah buat diri saya kerana telah diberikan mandat oleh ahli-ahli parti untuk menjadi pemimpin tertinggi KIMMA, sekaligus menjadi pewaris tradisi kepimpinan pemimpin-pemimpin terdahulu sebagai presiden ke-7, untuk memartabatkan visi dan misi yang diperjuangkan mereka selama ini.

Visi dan misi yang menjadi nadi pendorong, penghilang penat lelah perjuangan mereka selama ini, kini telah diamanahkan ke bahu saya.

Pengorbanan dan perjuangan KIMMA mula mendapat pengiktirafan kerajaan pimpinan Barisan Nasional apabila KIMMA diisytihar sebagai ahli gabungan UMNO pada tanggal 13 Ogos 2010.

Tahun 2011 menyaksikan sejarah tercipta apabila YAB PM Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak mengiktiraf perjuangan KIMMA dengan melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara mewakili suara masyarakat India Muslim, justeru permasalahan yang selama ini dihadapi masyarakat kita ini dapat didengari dan diatasi.

Pelantikan ini secara tidak langsung telah mengangkat perjuangan KIMMA ke tahap yang lebih tinggi, sekaligus menandakan perjuangan masih jauh daripada selesai.

Hadirin dan hadirat yang saya muliakan sekalian,

KIMMA melangkah maju setapak lagi ke hadapan dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan Perlembagaan KIMMA yang baru bermula 1hb Januari 2014, setelah mendapat persetujuan para perwakilan pada Perhimpunan Agung Tahunan KIMMA ke-36, pada tahun 2012 yang lalu, di Dewan Merdeka PWTC.

Perlembagaan KIMMA yang baru sudah semestinya sebuah garis panduan yang perlu dipatuhi setiap ahli KIMMA.

Setiap individu yang didapati bersalah melanggar perlembagaan akan dikenakan tindakan seperti yang digariskan di dalam perlembagaan.

KIMMA juga buat pertama kalinya dalam sejarah penubuhannya telah membuat pemilihan dan pelantikan jawatan di semua peringkat termasuklah pelantikan Ahli Majlis Tertinggi berpandukan perlembagaan baru KIMMA.

Jika sebelum ini, Presiden telah diberikan kuasa mutlak untuk mentadbir parti, kini menerusi Perlembagaan KIMMA yang baru, kuasa tersebut telah diperturunkan ke peringkat Majlis Tertinggi KIMMA.

Segala keputusan penting berkaitan perjalanan dan pembangunan parti akan ditentukan melalui perbincangan di mesyuarat Majlis Tertinggi.

Ini secara tidak langsung telah meringankan serba sedikit beban yang ditanggung saya sendiri dan akan menepis tanggapan umum yang mungkin menganggap kita mengamalkan kerenah birokrasi ataupun "One Man Show".

Selain itu, KIMMA juga telah memiliki Lembaga Disiplin yang tersendiri.

Lembaga Disiplin KIMMA bertindak sebagai sebuah entiti bebas yang mengadili dan mengambil tindakan terhadap mana-mana ahli yang didapati ingkar terhadap Perlembagaan KIMMA.

Para hadirin hadirat sekalian,

Ingin saya jelaskan di sini bahawa segala transformasi dan pembaharuan yang kita lakukan adalah bertujuan untuk melihat parti keramat kita ini sentiasa berwajah baru dan ahli-ahlinya yang lebih profesional dalam menjalankan tugas secara sistematik dan inklusif demi kemajuan ummah di seluruh Malaysia.

Kita harus mempunyai pemikiran yang terbuka dan matang untuk menerima transformasi ini.

Apabila YAB PM kita Datuk Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak mengambil-alih tampuk kepimpinan kerajaan, beliau telah banyak membawa program-program transformasi seperti GTP, ETP, PTP dan sebagainya.

Rakyat yang pada mulanya bersifat janggal dengan perkembangan ini, kini sedar akan keberhasilan yang dapat dicapai melalui pelan-pelan kerajaan ini.

Walaupun rakyat dikatakan tertekan dengan bebanan pengurangan subsidi dan pelaksanaan GST yang bakal menyusul tahun hadapan, namun YAB PM kita berjaya membawa penyelesaian yang bernas melalui pembentangan Bajet 2015 baru-baru ini.

Jelas segala pendekatan dan inisiatif yang diambil beliau adalah untuk menggalakkan pengagihan subsidi bersasar sekaligus menepis tanggapan awal yang menyatakan kerajaan Barisan Nasional ingin memperoleh kekayaan melalui duit rakyat.

Ini sudah semestinya satu propaganda yang dipermainkan oleh pihak-pihak tertentu demi mencapai kepentingan peribadi dan matlamat politik mereka.

Kita sebagai pemimpin masyarakat perlu berperanan dan mengambil inisiatif untuk menjelaskan kedudukan sebenar kepada rakyat.

Setiap ahli KIMMA yang ada di dalam dewan yang mulia ini bertanggungjawab sebagai wakil kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat jelata dalam menyampaikan dasar-dasar dan transformasi yang dijalankan oleh kerajaan bagi merealisasikan aspirasi negara dalam memacu pembangunan mencapai Wawasan 2020 ilham mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Bin Mohamad.

Hadirin-hadirat dan para perwakilan sekalian,

Selaras dengan peredaran zaman, adalah menjadi harapan dan tuntutan saya selaku presiden KIMMA untuk melihat setiap perwakilan dan ahli KIMMA yang berkesempatan hadir ke Konvensyen tahun ini agar dapat berfikir secara rasional dan membelakangkan kepentingan diri sendiri dalam memperjuangkan agenda parti.

Setiap pemimpin KIMMA harus mengenali dengan lebih mendalam AJK-AJK dan ahli-ahli KIMMA di kawasan masing-masing.

Ahli-ahli KIMMA yang memegang jawatan di peringkat cawangan, bahagian dan negeri pula perlu sentiasa memikirkan kesejahteraan rakyat di dalam ruang lingkup kawasan masing-masing.

KIMMA mempunyai pejabat di 12 negeri untuk kemudahan rakyat bagi menyalurkan sebarang aduan ataupun memohon sebarang bantuan daripada pihak KIMMA.

KIMMA juga mempunyai 6 buah van dan sebuah bas yang ditempatkan di pejabat KIMMA negeri-negeri, dan perkhidmatan pengangkutan ini boleh diakses dan digunakan oleh anggota masyarakat dan juga organisasi-organisasi serta badan-badan bukan kerajaan tanpa caj yang mahal, kerana hanya perlu membayar kos petrol, tol dan gaji pemandu, tanpa melibatkan sebarang bayaran sewaan.

KIMMA telah menyediakan banyak kemudahan dalam usaha memberikan yang terbaik untuk rakyat, jadi apa yang perlu dilakukan sekarang adalah pastikan anda sentiasa menjalankan tanggungjawab sebagai ahli kepada parti dan seterusnya kepada rakyat.

Jika ada yang belum berdaftar sebagai ahli KIMMA, daftarkanlah mereka melalui sistem pendaftaran online KIMMA, supaya kita boleh mengembangkan lagi keluarga KIMMA ini menjadi lebih ramai.

Jika ada yang sudah mendaftar sebagai ahli KIMMA, tetapi langsung tidak mendaftar sebagai pemilih dengan SPR, maka daftarkanlah mereka ini supaya mereka layak digelar pengundi dan dapat melaksanakan tanggungjawab mengundi apabila tiba masanya.

Sebagai perintis kepada usaha KIMMA untuk menggalakkan lebih ramai ahli mendaftar sebagai pengundi, maka kita telah memperkenalkan Kad Ahli KIMMA yang kini telah mula diedarkan di seluruh negara.

Melalui Kad Ahli ini, setiap ahli yang berdaftar dan telah membayar yuran keahlian boleh mengetahui status pendaftaran sebagai pemilih kerana kad tersebut mempunyai akses kepada sistem Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR).

Selain daripada itu, ahli yang gagal membayar yuran dalam masa yang telah ditetapkan akan hilang status keahliannya secara automatik.

Kad Ahli yang serba canggih ini telah dilengkapi dengan cip pengumpulan data dan setiap maklumat dan butiran diri ahli akan dimasukkan ke dalam kad tersebut.

Kad Ahli juga akan berfungsi sebagai kad pengenalan diri kepada pemohon bantuan YAKIN di seluruh negara.

Di samping itu, KIMMA juga kini sedang giat mengemaskini Laman Web Rasmi KIMMA.

Laman Web KIMMA telah hampir 80% siap dan boleh diakses oleh umum untuk mengetahui informasi dan perkembangan terkini KIMMA.

Pendaftaran ahli juga boleh dibuat terus secara automatik di laman web tersebut.

Justeru, kita berharap lebih ramai golongan muda akan tampil menggunakan kemudahan yang ada untuk mendaftarkan diri sebagai ahli KIMMA.

Para hadirin sekalian,

Pelbagai usaha sedang dilakukan KIMMA bagi menyediakan prasarana dan kemudahan bukan sahaja kepada ahli KIMMA malah masyarakat India Muslim secara amnya.

Kini, KIMMA telah memiliki sebuah dewan serbaguna yang boleh menampung sekitar 160 orang dalam sesuatu majlis di Ibu Pejabat KIMMA.

Dewan tersebut yang telahpun siap kini bakal digunakan untuk pelbagai aktiviti termasuk mengadakan mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi, program keagamaan, forum kemasyarakatan, kelas tuisyen, kelas kemahiran dan bermacam-macam lagi aktiviti yang bermanfaat kepada masyarakat India Muslim.

Ketiga-tiga pergerakan pemuda, puteri dan wanita disaran menggunakan kemudahan tersebut untuk mengadakan aktiviti masing-masing.

Para perwakilan dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

Di kesempatan ini, ingin juga saya war-warkan agenda yang bakal dilaksanakan KIMMA sebagai tanda kesungguhan dan komitmen berterusan kita untuk terus berkhidmat dan berbakti kepada masyarakat.

Pertama sekali, kita merancang untuk menubuhkan Akademi Sukan India Muslim yang berobjektif khusus untuk menggalakkan dan merancakkan budaya bersukan dalam masyarakat India Muslim dan untuk melahirkan lebih ramai atlet-atlet sukan daripada masyarakat India Muslim yang mungkin suatu hari akan mengharumkan nama negara di pentas dunia.

Sepertimana yang kita maklum, bidang sukan bukanlah suatu bidang yang menjadi pilihan masyarakat India Muslim, kerana kebanyakan masyarakat India Muslim lebih suka menceburi bidang peniagaan dan menjadi seorang usahawan.

Adalah menjadi harapan KIMMA dengan penubuhan akademi sukan ini, mampu menarik minat golongan muda menceburi bidang sukan di samping menjadi pencetus dan pemangkin penglibatan aktif masyarakat India Muslim dalam arena sukan negara.

Seterusnya, kita juga akan mengadakan kelas-kelas tuisyen khusus untuk pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM dan STPM, secara percuma tanpa sebarang yuran atau bayaran.

Pelajar-pelajar hanya perlu datang ke kelas tuisyen dan mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dikelolakan oleh pendidik-pendidik yang bertauliah dan berkaliber.

Kelas tuisyen percuma ini merupakan kemudahan yang sangat efektif untuk membantu meningkatkan taraf akademik masyarakat India Muslim di setiap peringkat, terutamanya kepada keluarga-keluarga India Muslim yang tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen berbayar kerana faktor kekurangan dan kekangan kewangan.

KIMMA memandangkan serius prestasi akademik anak-anak masyarakat India Muslim dan KIMMA ingin melihat lebih ramai anak-anak ini berjaya di dalam akademik seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, dan berbakti kepada keluarga dan masyarakat apabila sudah berjaya.

Di samping itu, kita juga akan mewujudkan kelas-kelas jahitan untuk mereka yang berminat mempelajari bidang jahitan ataupun kaum wanita yang tidak bekerja dan ingin mencari sumber pendapatan sendiri untuk menampung keluarga.

Sebagai permulaan, kelas-kelas jahitan ini akan diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, tetapi usah kkuatir, kelas-kelas jahitan ini bakal menyusul di negeri-negeri lain untuk kemudahan semua.

Mulai 1hb Januari 2015, KIMMA juga akan mewujudkan dana melalui tabung pendidikan khusus untuk pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Langkah ini bakal memberikan kelegaan kepada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan untuk menghantar dan mendaftar anak-anak belajar di peringkat yang lebih tinggi.

Faedah atau syarat-syarat pinjaman juga adalah sangat mudah, tiada sebarang bunga akan dikenakan bagi setiap pinjaman melalui tabung pendidikan ini, yang ada cuma caj pentadbiran, dan had maksimum pinjaman adalah sehingga RM15,000.

Pembayaran balik pinjaman pula boleh dibuat secara ansuran bulanan oleh ibu-bapa dalam tempoh 3 tahun.

Rasional utama penubuhan tabung pendidikan ini adalah untuk memberikan bantuan secara lebih menyeluruh kepada bakal siswa dan siswi termasuk bayaran yuran pengajian, hostel dan sebagainya.

Setakat ini, KIMMA melalui YAKIN telah membelanjakan lebih RM 8 juta untuk pendidikan, dan hanya yuran pendaftaran ditampung melalui pembayaran secara terus kepada IPTA/IPTS berkenaan.

Pinjaman pendidikan yang dikeluarkan tabung pendidikan ini juga mempunyai prinsip murni jangka panjang iaitu dengan setiap pembayaran balik ke atas pinjaman yang telah dibuat, boleh membantu lebih ramai pelajar meneruskan pengajian ke peringkat pengajian tinggi.

KIMMA juga akan mewujudkan Majlis Ulama' India Muslim yang akan berpusat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan akan mempunyai wakil daripada setiap negeri.

Penubuhan majlis ulama' ini bertujuan untuk menguruskan dan menyelesaikan sebarang permasalahan berkenaan agama Islam dalam kalangan masyarakat India Muslim, di samping menjadi tempat rujukan untuk mencari pendapat atau keputusan yang memerlukan pandangan ahli agama.

Penubuhan Majlis Ulama' India Muslim ini adalah sebagai satu kesinambungan dalam misi dan visi KIMMA untuk meneruskan penyebaran dakwah dan ajaran Islam kepada masyarakat sekeliling, dalam membentuk akhlak, jiwa dan rohani berasaskan acuan Islam.

Hadirin dan hadirat yang saya muliakan,

Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Utama Menteri Besar kerana sentiasa memberikan sokongan penuh kepada KIMMA dan tidak pernah meminggirkan masyarakat India Muslim dalam setiap perancangan beliau.

KIMMA amat mengagumi komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh YAB Dato' Seri Utama Menteri Besar, dan ia menjadi satu contoh pembakar semangat buat KIMMA khususnya KIMMA Negeri Sembilan untuk sentiasa turun padang dan kerap kali mendekati dan memberi bantuan kepada masyarakat.

Namun begitu, setiap bantuan yang dihulurkan sudah pastinya melibatkan banyak kos, dan seiring dengan peredaran masa, kos-kos yang ditanggung oleh KIMMA semakin meningkat saban tahun.

Untuk pengetahuan YAB Dato' Seri Utama Menteri Besar, KIMMA Pusat menanggung kos-kos perbelanjaan bantuan dan pentadbiran untuk keseluruhan pejabat-pejabat KIMMA di 12 buah negeri di Malaysia termasuklah pejabat KIMMA Negeri Sembilan.

Akibat daripada peningkatan kos, sumber kewangan yang dimiliki oleh KIMMA Pusat termasuklah yang diterima daripada Kerajaan Pusat, kini tidak lagi mencukupi untuk menampung dan menyerap sepenuhnya kos-kos berkenaan.

Bersangkutan dengan itu, terdapat inisiatif daripada KIMMA Negeri-Negeri untuk memohon bantuan daripada Kerajaan Negeri agar dapat memberikan sumbangan kewangan tahunan untuk menampung kos-kos perbelanjaan bantuan dan pentadbiran pejabat KIMMA Negeri.

Justeru, di kesempatan ini, saya ingin memohon jasa baik YAB Dato' Seri Utama Menteri Besar agar dapat memberikan sumbangan kewangan tahunan khas untuk KIMMA Negeri Sembilan, supaya pentadbiran KIMMA Negeri Sembilan dapat berjalan lancar dan KIMMA Negeri Sembilan dapat terus menabur bakti kepada masyarakat.

Kesudian YAB Dato' Seri Utama Menteri Besar untuk mempertimbangkan permohonan ini amatlah dihargai dan saya dahului dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih.

Hadirin dan hadirat yang saya muliakan,

“Rome is not built in one day”, begitu juga dengan KIMMA.

Berdiri teguhnya KIMMA hari ini adalah kerana hasil usaha & kerjasama efektif semua pihak, khususnya pemimpin-pemimpin juga ahli-ahli KIMMA terdahulu hingga sekarang, dalam mencapai dan meneruskan visi dan misi murni yang dilaungkan sejak awal penubuhan KIMMA.

Harapan saya, semoga konvensyen tahun ini akan memberi makna yang mendalam bagi semua ahli KIMMA di seluruh pelusuk negara, dan juga sebagai suatu platform berkesan untuk mencungkil dan mengasah kepimpinan bakal-bakal pemimpin berkualiti lagi disegani, yang sentiasa bersedia berkhidmat & berbakti kepada agama, bangsa dan tanah air.

Teruskanlah sokongan padu anda semua kepada Barisan Nasional yang terbukti mampu membawa kemajuan dan membela nasib rakyat, hiraukan dakyah-dakyah pembangkang yang sengaja ingin memecah-belahkan kesatuan yang telah kita bina sesama ahli KIMMA juga Barisan Nasional.

Sebagai penutup bicara, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perjuangan KIMMA selama ini.

Jasa dan pengorbanan serta kesetiaan anda amatlah kami hargai dan sanjungi.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya titipkan kepada sekalian yang hadir serangkap pantun:

Bagai pungguk merindukan bulan,

Terang sinarnya menyinari malam,
Melangkah KIMMA maju ke hadapan,
Api perjuangan takkan pernah padam.

Sekian, terima kasih.